

**JADUAL KEENAM**  
**(Peraturan 10, 20 dan 21)**

**SYARAT-SYARAT**  
**SYARAT AM BAGI SEMUA PEMEGANG LESEN**

1. Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua peruntukan Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [*Akta 582*], perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya, pekeliling-pekeliing yang dibuat di bawah Akta atau Perundangan subsidiari itu, arahan dan selainnya perintah Lembaga.
2. Pemegang lesen hendaklah, berhubungan dengan kategori yang dinyatakan dalam lesennya, menyenggarakan dan mengemaskinikan setiap hari butir-butir rekod harian yang lengkap, benar dan tepat .
3. Pemegang lesen hendaklah, berhubungan dengan kategori yang dinyatakan dalam lesennya mengemukakan penyata bulanan yang mengandungi maklumat yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada pihak Lembaga pada tiap-tiap bulan dan hendaklah diterima oleh pihak Lembaga tidak lewat dari tujuh haribulan pada bulan yang berikutnya.
4. Pemegang lesen hendaklah, berhubungan dengan kategori yang dinyatakan dalam lesennya, mengemukakan maklumat berkala yang mengandungi maklumat sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada pihak Lembaga dan hendaklah diterima oleh pihak Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen hendaklah, dari semasa ke semasa, mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.
6. Pemegang lesen boleh secara elektronik memfailkan atau mengemukakan maklumat dan dokumen kepada Lembaga
7. Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI KILANG PELUMAT ISIRUNG SAWIT (CF)

Aktiviti berlesen

- (I) MENJUAL DAN MENGALIH ISIRUNG SAWIT
- (II) MEMBELI DAN MENGALIH ISIRUNG SAWIT
- (III) MENYIMPAN ISIRUNG SAWIT
- (IV) MENJUAL DAN MENGALIH MINYAK SAWIT
- (V) MEMBELI DAN MENGALIH MINYAK SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli minyak sawit atau isirung sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual minyak sawit atau isirung sawit.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual minyak sawit atau isirung sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli minyak sawit atau isirung sawit.
3. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan minyak sawit atau isirung sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan minyak sawit atau isirung sawit itu.

Aktiviti berlesen :

- (VI) MENYIMPAN MINYAK SAWIT
- (VII) MENYIMPAN BUNGKIL ISIRUNG SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap tangki simpanan yang disimpan dengan minyak sawit ditentukan dan disahkan oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua kemudahan penyimpanan atau bekas simpanan termasuklah tangki, pam, saluran paip dan injap.
3. Pemegang lesen hendaklah menggunakan termometer yang tidak dibuat daripada raksa dan telah ditentukan dan disahkan oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan termometer itu hendaklah diletakkan dalam sangkar dan sangkar itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
4. Pemegang lesen hendaklah menggunakan pita ukur yang telah ditentukan dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan pita ukur itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa premis kilang termasuklah peralatan dan jentera hendaklah bebas daripada tumpahan minyak sawit, sisa-sisa pemprosesan atau kekotoran lain.
6. Pemegang lesen hendaklah menggunakan jadual ketumpatan minyak sawit yang dikeluarkan oleh MPOB.
7. Pemegang lesen hendaklah memastikan premis kilang bebas daripada binatang.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI KILANG OLEOKIMIA SAWIT (CM)

Aktiviti berlesen:

- (I) MEMBELI DAN MENGALIH MINYAK SAWIT
- (II) MEMBELI DAN MENGALIH ASID LEMAK SAWIT
- (III) MENJUAL DAN MENGALIH OLEOKIMIA SAWIT

Syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli minyak sawit atau asid lemak sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual minyak sawit atau asid lemak sawit.
2. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan minyak sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan minyak sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit itu.

Aktiviti berlesen :

- (IV) MENYIMPAN OLEOKIMIA SAWIT
- (V) MENYIMPAN ASID LEMAK SAWIT
- (VI) MENYIMPAN MINYAK SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap tangki yang disimpan dengan minyak sawit ditentukur dan disahkan oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua kemudahan penyimpanan atau bekas simpanan termasuklah tangki, pam, saluran paip dan injap.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa premis kilang termasuklah peralatan dan jentera hendaklah bebas daripada tumpahan minyak sawit, asid lemak sawit, oleokimia sawit, sisa-sisa pemprosesan atau kekotoran lain.
4. Pemegang lesen hendaklah menggunakan jadual ketumpatan minyak sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit yang ditentukan oleh MPOB.
5. Pemegang lesen hendaklah menggunakan termometer yang tidak dibuat daripada raksa dan telah ditentukur dan disahkan oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan termometer itu hendaklah diletakkan dalam sangkar dan sangkar itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
6. Pemegang lesen hendaklah menggunakan pita ukur yang telah ditentukur dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan pita ukur itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENIAGA ASID LEMAK SAWIT (DA)**

Aktiviti berlesen :

- (I) MEMBELI DAN MENGALIH ASID LEMAK SAWIT
- (II) MENJUAL DAN MENGALIH ASID LEMAK SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli asid lemak sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual asid lemak sawit.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual asid lemak sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli asid lemak sawit.
3. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan asid lemak sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan asid lemak sawit.

Aktiviti berlesen :

- (III) MENYIMPAN ASID LEMAK SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan premis kilang termasuklah peralatan dan jentera hendaklah bersih daripada tumpahan asid lemak sawit, sisa-sisa pemprosesan atau kekotoran lain dan hendaklah bebas daripada binatang.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua kemudahan penyimpanan atau bekas simpanan termasuklah tangki, pam, saluran paip dan injap.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF)**

Aktiviti berlesen :

- (I) MEMBELI DAN MENGALIH BUAH KELAPA SAWIT
- (II) MENJUAL DAN MENGALIH BUAH KELAPA SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli buah kelapa sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual buah kelapa sawit.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual buah kelapa sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli buah kelapa sawit.
3. Pemegang lesen hendaklah mengeluarkan suatu penyata pembelian atau penyata penerimaan yang mengandungi maklumat mengenai nama pembeli, nama pembekal, tarikh, berat dan nombor siri penyata kepada pembekal bagi setiap pembelian atau penerimaan buah kelapa sawit.
4. Pemegang lesen tidak dibenarkan menambah atau menyebabkan ditambah bahan-bahan asing seperti air, batu, pasir, tanah, kayu dan benda-benda asing yang lain yang berbeza kepada buah kelapa sawit. Pemegang lesen tidak dibenarkan menyiram air kepada buah kelapa sawit.
5. Pemegang lesen yang membeli atau menerima bekalan buah kelapa sawit dilarang daripada membeli atau menerima buah kelapa sawit muda . Definasi buah kelapa sawit muda adalah seperti yang dinyatakan dalam Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB (Edisi 2003 ) .
6. Pemegang lesen hendaklah melakukan penggredan ke atas buah kelapa sawit yang diterima atau dibeli berdasarkan kepada Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB atau apa-apa dokumen yang ditentukan oleh MPOB atau mana-mana sistem penggredan yang ditentukan oleh Lembaga.
7. Pemegang lesen hendaklah mengeluarkan baucer bayaran yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai tarikh bayaran, nama penerima, kuantiti, harga dan amaun bayaran bagi setiap pembelian buah kelapa sawit.
8. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa penggredan buah kelapa sawit dilakukan oleh penggred yang terlatih dan diiktirafkan oleh Lembaga.
9. Pemegang lesen hendaklah meletakkan permukaan bacaan timbang dengan cara yang mudah dilihat oleh pembekal atau wakilnya.
10. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan harga belian harian buah kelapa sawit di tempat yang mudah dilihat oleh pembekal atau wakilnya.
11. Pemegang lesen dikehendaki mengguna dan mematuhi Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit MPOB ( Edisi 2004 ) .
12. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan buah kelapa sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan buah kelapa sawit itu.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENIAGA ISIRUNG SAWIT (DK)**

Aktiviti berlesen:

- (I) MEMBELI DAN MENGALIH ISIRUNG SAWIT
- (II) MENJUAL DAN MENGALIH ISIRUNG SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli isirung sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual isirung sawit.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual isirung sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli isirung sawit.

Aktiviti berlesen :

- (III) MENYIMPAN ISIRUNG SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memelihara kebersihan di tempat menyimpan isirung sawit.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa premis penyimpanan bebas daripada binatang.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENIAGA MINYAK SAWIT (DL)**

Aktiviti berlesen :

- (I) MEMBELI DAN MENGALIH MINYAK SAWIT
- (II) MENJUAL DAN MENGALIH MINYAK SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli minyak sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual minyak sawit.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual minyak sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli minyak sawit.
3. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan minyak sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan minyak sawit itu.

Aktiviti berlesen :

- (III) MENYIMPAN MINYAK SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap tangki yang disimpan dengan minyak sawit ditentukan dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua kemudahan penyimpanan atau bekas simpanan termasuklah tangki, pam, saluran paip dan injap.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa premis kilang termasuklah peralatan dan jentera hendaklah bebas daripada tumpahan asid lemak sawit, sisa-sisa pemprosesan atau kekotoran lain dan hendaklah bebas daripada binatang.
4. Pemegang lesen hendaklah menggunakan jadual ketumpatan minyak sawit yang dikeluarkan oleh MPOB.
5. Pemegang lesen hendaklah menggunakan termometer yang tidak dibuat daripada jenis raksa dan telah ditentukan dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan termometer itu hendaklah diletakkan dalam sangkar dan sangkar itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
6. Pemegang lesen hendaklah menggunakan pita ukur yang telah ditentukan dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan pita ukur itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.

**SYARAT-SYARAT LESEN BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENIAGA OLEOKIMIA SAWIT (DM)**

Aktiviti berlesen :

(I) MENJUAL DAN MENGALIH OLEOKIMIA SAWIT

Syarat-syarat :

Sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Aktiviti berlesen :

(II) MENYIMPAN OLEOKIMIA SAWIT

Syarat-syarat:

Sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.



**SYARAT-SYARAT LESEN BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENIAGA BIJI BENIH KELAPA SAWIT  
DAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT (DN)**

Aktiviti berlesen :

- (I) MENJUAL DAN MENGALIH BIJI BENIH KELAPA SAWIT
- (II) MENJUAL DAN MENGALIH ANAK BENIH KELAPA SAWIT
- (III) MENYIMPAN BIJI BENIH KELAPA SAWIT
- (IV) MENYIMPAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli biji benih kelapa sawit atau anak benih kelapa sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual biji benih kelapa sawit atau anak benih kelapa sawit.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan anak benih kelapa sawit dan biji benih kelapa sawit disertai dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit yang diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.
- 3.—Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan biji benih kelapa sawit atau anak benih kelapa sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan biji benih kelapa sawit atau anak benih kelapa sawit itu.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENIAGA TUMBUH-TUMBUHAN  
DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (DT)

Aktiviti berlesen :

- (I) MENJUAL DAN MENGALIH TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT
- (II) MENYIMPAN TUMBUH- TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT

Syarat :

Sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI ESTET (ET)**

Aktiviti berlesen:

**MENJUAL DAN MENGALIH BUAH KELAPA SAWIT**

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual buah kelapa sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli buah kelapa sawit.
2. Pemegang lesen hanya dibenarkan untuk menjual dan mengalihkan buah kelapa sawit dari estet yang dinyatakan dalam lesennya sahaja.
3. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan buah kelapa sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar, dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan buah kelapa sawit itu.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI MEMULAKAN PEMBINAAN  
KEMUDAHAN SIMPANAN PUKAL (KB)

Aktiviti berlesen:

MEMULAKAN PEMBINAAN KEMUDAHAN SIMPANAN PUKAL

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tempoh memulakan pembinaan kemudahan simpanan pukal ialah dalam jangka waktu satu tahun dari tarikh lesen ini dikeluarkan atau dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pembinaan kemudahan simpanan pukal mematuhi jadual dan pelan pembinaan yang diluluskan oleh Lembaga.
3. Pemegang lesen hendaklah memohon bagi aktiviti-aktiviti yang diperlukan berkaitan dengan pengendalian kemudahan simpanan pukal secara bertulis enam bulan sebelum pengendalian kemudahan simpanan pukal dimulakan.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan setiap tangki yang akan dibina berhubung dengan kemudahan simpanan pukal ditentukkan dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang diperbuat daripada kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua kemudahan simpanan pukal yang akan dibina termasuklah tangki, pam, saluran paip dan injap.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN DALAM  
KATEGORI KEMUDAHAN SIMPANAN PUKAL (KS)**

Aktiviti berlesen:

- (I) MENYIMPAN MINYAK SAWIT
- (II) MENYIMPAN OLEOKIMIA SAWIT
- (III) MENYIMPAN ASID LEMAK SAWIT.

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa premis kemudahan simpanan pukal termasuklah peralatan dan jentera hendaklah bebas daripada tumpahan keluaran kelapa sawit, sisa-sisa pemprosesan atau kekotoran lain dan bebas daripada binatang.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang diperbuat daripada kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua kemudahan penyimpanan iaitu tangki, pam, saluran paip dan injap.
3. Pemegang lesen hendaklah menggunakan termometer yang bukan daripada jenis raksa yang telah ditentukur dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan termometer itu hendaklah mempunyai sangkar dan sangkar itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
4. Pemegang lesen hendaklah menggunakan pita ukur yang telah ditentukur dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan pita ukur itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
5. Pemegang lesen hendaklah mematuhi arahan pemanasan standard yang ditentukan oleh Lembaga bagi semua keluaran kelapa sawit yang hendak dipunggah keluar daripada bekas simpanan kemudahan simpanan pukal.
6. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Lembaga cadangan Jadual Pemungghahan Keluar yang mengandungi butir-butir kapal, jangkamasa tiba, jenis keluaran kelapa sawit, nama pengeksport, kuantiti, nombor tangki dan destinasi bagi keluaran kelapa sawit yang akan dipunggah keluar daripada tangki sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh pegawai diberi kuasa.
7. Pemegang lesen hendaklah mengadakan pelan susun atur bekas simpanan dalam kemudahan simpanan pukal untuk pemeriksaan pegawai diberi kuasa dan firma pengukuran berlesen sahaja.
8. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua bekas simpanan kemudahan simpanan pukal termasuklah saluran paip, injap dan pam hendaklah ditanda dengan jelas dan mudah dilihat untuk mudah dikenal pasti.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI MAKMAL (LB)

Aktiviti berlesen:

**MENGUJI KELUARAN KELAPA SAWIT**

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hanya boleh menerima sampel keluaran kelapa sawit sekiranya sampel itu diisi dalam bekas bertutup rapat, berlabel dan bermeteri.
2. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan suatu salinan setiap laporan hasil pengujian keluaran kelapa sawit yang mengandungi maklumat yang sepanjang pengetahuan mereka adalah benar, tepat dan lengkap kepada Lembaga dan hendaklah diterima oleh Lembaga tidak lewat daripada 7 hari selepas pengujian dijalankan.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua butir pengujian keluaran kelapa sawit direkodkan dalam bentuk buku, dokumen atau secara elektronik dan disimpan di premis berlesen.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa butir-butir catatan kerja pengujian dan kaedah pengujian yang digunakan ditulis dalam buku atau dokumen yang dijilidkan.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa butir-butir pengujian yang disimpan secara elektronik dicetak dan disimpan salinannya di premis berlesen.
6. Pemegang lesen dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya seorang pegawai yang mempunyai kelayakan yang ditentukan oleh Lembaga dan hendaklah anggota kepada Institut Kimia Malaysia yang bekerja dengannya.
7. Pemegang lesen hendaklah mematuhi kaedah pengujian yang ditentukan oleh Lembaga bagi setiap parameter yang diuji.
8. Pemegang lesen hendaklah mempunyai alat, radas, kelengkapan, jentera, mesin yang ditentukan dalam setiap kaedah pengujian untuk setiap parameter yang diuji dan alat, radas, kelengkapan, jentera, mesin itu, jika sebuah, hendaklah ditentukur dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga.
9. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua aspek keselamatan makmal yang ditentukan oleh Lembaga dipatuhi.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI MEMULAKAN PEMBINAAN  
KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MB)

Aktiviti berlesen:

MEMULAKAN PEMBINAAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tempoh memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit ialah dalam jangka waktu satu tahun dari tarikh lesen ini dikeluarkan atau dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pembinaan kilang buah kelapa sawit mematuhi jadual dan pelan pembinaan yang diluluskan oleh Lembaga.
3. Pemegang lesen hendaklah memohon bagi aktiviti-aktiviti yang diperlukan berkaitan dengan operasi pengilangan buah kelapa sawit secara bertulis enam bulan sebelum pengendalian pengilangan buah kelapa sawit dimulakan.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan setiap tangki yang akan dibina berhubungan dengan kilang buah kelapa sawit ditentukkan dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang dibuat daripada kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua bekas simpanan yang akan dibina termasuklah tangki, pam, saluran paip dan injap.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)**

Aktiviti berlesen:

**(I) MENGILANG BUAH KELAPA SAWIT**

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan mengilang buah kelapa sawit melebihi daya pemprosesan yang dinyatakan dalam lesen.
2. Pemegang lesen hendaklah mempunyai makmal dan kelengkapan serta kakitangan yang terlatih untuk menguji parameter asas mutu minyak sawit yang ditentukan oleh Lembaga.
3. Pemegang lesen hendaklah mengira peratus Kadar Perahan Minyak Sawit (OER) dengan menggunakan kaedah yang ditentukan oleh Lembaga.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa premis kilang bebas daripada binatang.
5. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang dibuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua kemudahan pengilangan.
6. Pemegang lesen hendaklah mencapai purata tahunan kadar perahan minyak sawit ( OER ) tidak kurang daripada 18%. Pemegang lesen yang gagal mencapai OER 18% bagi sesuatu tahun dikehendaki melantik seorang pegawai pengembangan kualiti bagi menjaga mutu buah sawit yang diterima di kilang

Aktiviti berlesen:

**(II) MEMBELI DAN MENGALIH BUAH KELAPA SAWIT**

**(III) MENJUAL DAN MENGALIH BUAH KELAPA SAWIT**

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli buah kelapa sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual buah kelapa sawit.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual buah kelapa sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli buah kelapa sawit.
3. Pemegang lesen hendaklah mengeluarkan suatu penyata pembelian atau penyata penerimaan yang mengandungi maklumat mengenai nama pembeli, nama pembekal, tarikh, berat dan nombor siri penyata kepada pembekal bagi setiap pembelian atau penerimaan buah kelapa sawit.
4. Pemegang lesen tidak dibenarkan menambah atau menyebabkan ditambah bahan-bahan asing seperti air, batu, pasir, tanah, kayu dan benda-benda asing yang lain kepada buah kelapa sawit. Pemegang lesen tidak dibenarkan menyiram air kepada buah kelapa sawit.
5. Pemegang lesen yang membeli atau menerima bekalan buah kelapa sawit dilarang daripada membeli atau menerima buah kelapa sawit muda. Definisi buah kelapa sawit muda adalah seperti yang dinyatakan dalam Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB (Edisi 2003 ).
6. Pemegang lesen hendaklah melakukan penggredan ke atas buah kelapa sawit yang diterima atau dibeli berdasarkan kepada Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB atau apa-apa dokumen yang ditentukan oleh MPOB atau mana-mana sistem penggredan yang ditentukan oleh Lembaga.
7. Pemegang lesen hendaklah mengeluarkan baucer bayaran yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai tarikh bayaran, nama penerima, kuantiti, harga dan amaun bayaran bagi setiap pembelian buah kelapa sawit.



8. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa penggredan buah kelapa sawit dilakukan oleh pengred yang terlatih dan diiktirafkan oleh Lembaga.

9. Pemegang lesen hendaklah meletakkan permukaan bacaan timbang dengan cara yang mudah dilihat oleh pembekal atau wakilnya.

10. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan harga belian harian buah kelapa sawit di tempat yang mudah dilihat oleh pembekal atau wakilnya.

11. Pemegang lesen dikehendaki mengguna dan mematuhi Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit MPOB ( Edisi 2004 ).

12. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan buah kelapa sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan buah kelapa sawit itu.

Aktiviti berlesen :

(IV) MENJUAL DAN MENGALIH MINYAK SAWIT

(V) MEMBELI DAN MENGALIH MINYAK SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli minyak sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual minyak sawit.

2. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual minyak sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli minyak sawit.

3. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan minyak sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan minyak kelapa sawit itu.

Aktiviti berlesen :

(VI) MENJUAL DAN MENGALIH ISIRUNG SAWIT

(VII) MEMBELI DAN MENGALIH ISIRUNG SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli isirung sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual isirung sawit.

2. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual isirung sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli isirung sawit.

3. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan isirung sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan isirung kelapa sawit itu.

Aktiviti berlesen :

(VIII) MENYIMPAN MINYAK SAWIT

(IX) MENYIMPAN ISIRUNG SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap tangki yang disimpan dengan minyak sawit ditentukur dan disahkan oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua kemudahan penyimpanan atau bekas simpanan termasuklah tangki, pam, saluran paip dan injap.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa premis kilang dan termasuklah peralatan serta jentera hendaklah bersih daripada tumpahan minyak sawit, atau sisa-sisa pemprosesan serta kekotoran lain dan bebas daripada binatang.
4. Pemegang lesen hendaklah menggunakan jadual ketumpatan minyak sawit, yang dikeluarkan oleh MPOB.
5. Pemegang lesen hendaklah menggunakan termometer yang bukan daripada jenis raksa yang telah ditentukur dan disahkan oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan termometer itu hendaklah mempunyai sangkar dan sangkar itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
6. Pemegang lesen hendaklah menggunakan pita ukur yang telah ditentukur dan disahkan oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan pita ukur itu tidak boleh diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI TAPAK SEMAIAN (NN)**

Aktiviti berlesen

- (I) MENGHASILKAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT
- (II) MENJUAL DAN MENGALIH ANAK BENIH KELAPA SAWIT
- (III) MENYIMPAN BIJI BENIH KELAPA SAWIT
- (IV) MENYIMPAN TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT
- (V) MENYIMPAN ANAK BENIH KELAPA SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen adalah dikehendaki mengemukakan dokumen yang memperakui ketulenan biji benih kelapa sawit atau tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit yang diperolehi daripada tiap-tiap pembelian.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan membeli biji benih kelapa sawit atau anak benih kelapa sawit atau tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual biji benih kelapa sawit atau anak benih kelapa sawit atau tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit.
3. Pemegang lesen tidak boleh menjual anak benih kelapa sawit yang umurnya kurang daripada 10 bulan.
4. Pemegang lesen hendaklah mematuhi sekurang-kurangnya garis panduan minima yang diperuntukkan dalam Garis Panduan Pengeluaran Dan Penyenggaraan Secara Komersial Anak Benih Kelapa Sawit Daripada Biji Benih Bercambah atau apa-apa garis panduan lain yang ditentukan oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen adalah dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya seorang pegawai yang berkecuali yang ditentukan oleh Lembaga bekerja dengannya.
6. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan anak benih kelapa sawit, disertakan dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit yang diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.
7. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsinan anak benih kelapa sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan anak benih kelapa sawit itu.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENGELUAR  
BIJI BENIH KELAPA SAWIT (NS)

Aktiviti berlesen:

- (I) MENGHASILKAN BIJI BENIH KELAPA SAWIT
- (II) MENJUAL DAN MENGALIH BIJI BENIH KELAPA SAWIT
- (III) MENYIMPAN BIJI BENIH KELAPA SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah menyimpan rekod-rekod penghasilan biji benih kelapa sawit daripada pokok-pokok induk.
2. Pemegang lesen hanya dibenarkan menjual dan mengalihkan biji benih kelapa sawit daripada penghasilannya sendiri sahaja.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa biji benih kelapa sawit yang dikeluarkan itu mematuhi Malaysian Standard MS 157 terkini atau mana-mana standard yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga mengenai pematuhan itu.
4. Pemegang lesen adalah dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya seorang pegawai yang berkelayakan yang ditentukan oleh Lembaga bekerja dengannya.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan biji benih kelapa sawit disertai dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit yang diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.
6. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan biji benih kelapa sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan biji benih kelapa sawit itu.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENGHASIL TUMBUH-TUMBUHAN  
DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (NT)

Aktiviti berlesen:

- (I) MENGHASILKAN TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT
- (II) MENJUAL DAN MENGALIH TUMBUH-TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT
- (III) MENYIMPAN TUMBUH- TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah menyimpan rekod-rekod penghasilan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit.
2. Pemegang lesen hanya dibenarkan menjual dan mengalihkan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit daripada penghasilannya sendiri.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit yang dihasilkan itu mematuhi apa-apa standard yang ditentukan oleh Lembaga dan mendapat pengesahan dan perakuan daripada agensi yang ditentukan oleh Lembaga mengenai pematuhan itu.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa semua penjualan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit disertai dengan Borang Akuan Jualan dan Penerimaan Bahan Tanaman Kelapa Sawit yang diisi dengan butir-butir yang benar dan lengkap.
5. Pemegang lesen adalah dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya seorang pegawai yang berkelayakan yang ditentukan oleh Lembaga bekerja dengannya.
6. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit itu.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PM)

Aktiviti berlesen:

- (I) MENGIMPORT BAHAN PENANAMAN KELAPA SAWIT
- (II) MENGIMPORT BUAH KELAPA SAWIT
- (III) MENGIMPORT MINYAK SAWIT
- (IV) MENGIMPORT ASID LEMAK SAWIT
- (V) MENGIMPORT BUNGKIL ISIRUNG SAWIT
- (VI) MENGIMPORT ISIRUNG SAWIT
- (VII) MENGIMPORT OLEOKIMIA SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan suatu salinan Borang Kastam No 1 atau Borang Kastam No 9 (yang mana berkaitan) atau mana-mana dokumen yang ditentukan oleh Lembaga sama ada secara elektronik atau tidak yang mengandungi butir-butir yang lengkap dan tepat dan telah disahkan oleh pihak kastam kepada Lembaga tidak lewat dari tujuh hari selepas tarikh import.
2. Pemegang lesen hendaklah menyatakan syarat dalam kontrak belian keluaran kelapa sawit mereka yang membawa maksud berikut:

“Bahawa keluaran kelapa sawit tidak boleh dimuatkan dalam bekas simpanan apabila muatan yang diangkut sebelumnya terdiri dari kargo yang dilarang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Mutu) 2005.”
3. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai import keluaran kelapa sawit dalam Borang MPOB Q3 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan pemunggaan keluaran kelapa sawit itu.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa minyak sawit yang diimport adalah kualiti boleh dagang yang baik.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN KATEGORI  
DALAM PENGEKSPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PX)**

Aktiviti berlesen:

- (I) MENGEKSPORT BUAH KELAPA SAWIT
- (II) MENGEKSPORT MINYAK SAWIT
- (III) MENGEKSPORT ASID LEMAK SAWIT
- (IV) MENGEKSPORT BUNGKIL ISIRUNG SAWIT
- (V) MENGEKSPORT ISIRUNG SAWIT
- (VI) MENGEKSPORT OLEOKIMIA SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan suatu salinan Borang Kastam No 2 yang bertanda "SALINAN MPOB" atau apa-apa dokumen yang ditentukan oleh Lembaga sama ada secara elektronik atau tidak, kepada Lembaga di Pelabuhan/Stesyen Eksport yang berkenaan untuk setiap eksport keluaran kelapa sawit yang dikendalikan dan hendaklah diterima oleh pihak Lembaga tidak lewat dari tujuh hari selepas tarikh eksport.
2. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai eksport keluaran kelapa sawit dalam Borang MPOB Q1 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan keluaran kelapa sawit itu.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan firma pengukuran yang dilantik mempunyai lesen mengukur keluaran kelapa sawit.

Aktiviti berlesen :

**(VII) MENGEKSPORT BAHAN TANAMAN KELAPA SAWIT**

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan suatu salinan Borang Kastam No 2 yang bertanda "SALINAN MPOB" atau mana-mana dokumen yang ditentukan oleh Lembaga sama ada secara elektronik atau tidak, kepada Lembaga di Pelabuhan/Stesyen Eksport yang berkenaan untuk setiap eksport bahan tanaman kelapa sawit yang dikendalikan tidak lewat dari tujuh hari selepas tarikh eksport.
2. Pemegang lesen dibenarkan mengeksport dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga bahan tanaman kelapa sawit dari jenis, mutu dan kuantiti yang dibenarkan oleh Lembaga sahaja.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa bahan tanaman kelapa sawit yang dieksport ini hanya dibenarkan untuk ditanam di kawasan di luar Malaysia yang ditentukan oleh Lembaga .
4. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Lembaga butir-butir pengeksportan termasuk tarikh pengeksportan, kuantiti bahan tanaman kelapa sawit yang dieksport, cara pengeksportan dan destinasi eksport tidak lewat daripada tujuh hari sebelum tarikh eksport.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI KILANG PENAPIS (RF)**

Aktiviti berlesen:

- (I) MENJUAL DAN MENGALIH MINYAK SAWIT
- (II) MEMBELI DAN MENGALIH MINYAK SAWIT
- (III) MENJUAL DAN MENGALIH ASID LEMAK SAWIT
- (IV) MEMBELI DAN MENGALIH ASID LEMAK SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli minyak sawit atau asid lemak sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual minyak sawit atau asid lemak sawit.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual minyak sawit atau asid lemak sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli minyak sawit atau asid lemak sawit.
3. Pemegang lesen hendaklah membuat suatu pengisytiharan mengenai konsainan minyak sawit atau asid lemak sawit melalui laut di dalam Malaysia dalam Borang MPOB Q2 yang sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak kurang daripada dua hari sebelum tarikh permulaan muatan minyak sawit atau asid lemak sawit itu.

Aktiviti berlesen :

- (V) MENYIMPAN MINYAK SAWIT
- (VI) MENYIMPAN ASID LEMAK SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap tangki yang disimpan dengan minyak sawit atau asid lemak sawit ditentukur dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga.
2. Pemegang lesen tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan yang diperbuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum untuk semua kemudahan penyimpanan atau bekas simpanan termasuklah tangki, pam, saluran paip dan injap.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa premis kilang dan termasuklah peralatan serta jentera hendaklah bersih daripada tumpahan minyak sawit, asid lemak sawit atau sisa-sisa pemrosesan serta kekotoran lain dan bebas daripada binatang.
4. Pemegang lesen hendaklah menggunakan jadual ketumpatan minyak sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit yang ditentukan Lembaga.
5. Pemegang lesen hendaklah menggunakan termometer yang bukan daripada jenis raksa yang telah ditentukur dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan termometer itu hendaklah mempunyai sangkar dan sangkar itu tidak boleh dibuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
6. Pemegang lesen hendaklah menggunakan pita ukur yang telah ditentukur dan diperakui oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan pita ukur itu tidak boleh dibuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
7. Pemegang lesen yang menggunakan bendalir pemanasan haba dalam gelung pemanas hendaklah memastikan bahawa tiada kebocoran dalam gelung pemanas dan memastikan segala langkah di ambil untuk mengesan dan mencegah apa-apa kebocoran bendalir pemanasan haba.
8. Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Lembaga dengan serta-merta secara bertulis apabila berlaku pencemaran minyak sawit dengan bendalir pemanasan haba.



Aktiviti berlesen :

VII MENJUAL DAN MENGALIH OLEOKIMIA SAWIT

VIII MENYIMPAN OLEOKIMIA SAWIT

Sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

**SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI KEBUN KECIL (SH)**

Aktiviti berlesen:

**MENJUAL DAN MENGALIH BUAH KELAPA SAWIT**

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual buah kelapa sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli buah kelapa sawit.
2. Pemegang lesen hanya dibenarkan untuk menjual dan mengalihkan buah kelapa sawit daripada kebun kecil yang telah dilesenkan kepadanya sahaja.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENGUKURAN KELUARAN KELAPA SAWIT (UK)

Aktiviti berlesen:

MENGUKUR KELUARAN KELAPA SAWIT

Syarat-syarat :

1. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa bekas simpanan yang hendak dimuatkan dengan keluaran kelapa sawit adalah bersih, sesuai digunakan dan bebas daripada sisa kargo terdahulu, air dan bahan-bahan lain sama ada bertoksid atau tidak bertoksid.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa bekas simpanan yang hendak dimuatkan dengan keluaran kelapa sawit sesuai yakni tidak mempunyai kelengkapan yang dibuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
3. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa sampel keluaran kelapa sawit yang diambil semasa pengukuran diisi ke dalam bekas baru yang bertutup rapat, dimeteri dan dilabelkan dengan serta merta selepas diambil.
4. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu salinan setiap laporan hasil pengukuran keluaran kelapa sawit yang dijalankan tidak lewat dari tujuh hari selepas pengukuran dibuat.
5. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Lembaga mengenai masa kapal dijangka tiba (ETA), masa pengambilan sampel, jenis dan kuantiti keluaran kelapa sawit, pihak yang melantiknya, destinasi, spesifikasi dan standard mutu dalam kontrak jual beli, jadual pemuatan dan maklumat berkaitan lain bagi setiap pengukuran yang akan dilakukan tidak kurang dari dua hari sebelum tarikh pengukuran.
6. Pemegang lesen hendaklah menyimpan semua dokumen dan rekod pengukuran keluaran kelapa sawit tidak kurang daripada dua tahun selepas pengukuran.
7. Pemegang lesen hendaklah memastikan semua butir pengukuran keluaran kelapa sawit direkodkan dalam bentuk buku, dokumen atau secara elektronik dan disimpan di premis berlesen.
8. Pemegang lesen hendaklah menyimpan semua sampel keluaran kelapa sawit yang diambil semasa pengukuran bagi tempoh tidak kurang daripada tiga bulan selepas tarikh pengukuran dan memastikan bahawa semua sampel itu disimpan dalam tempat yang dingin dan terlindung daripada cahaya matahari.
9. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi prosedur pengukuran yang ditentukan oleh Lembaga iaitu "Standard Surveying Procedures and Practices for Palm Oil and Its Derivatives" atau apa-apa dokumen yang ditentukan oleh Lembaga.
10. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap alat, radas, kelengkapan, jentera, mesin yang digunakan untuk kerja pengukuran hendaklah bebas daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
11. Pemegang lesen hendaklah menggunakan termometer yang bukan daripada jenis raksa yang telah ditentukan dan disahkan oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan termometer itu hendaklah mempunyai sangkar dan sangkar itu tidak boleh dibuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.
12. Pemegang lesen hendaklah menggunakan pita ukur yang telah ditentukan dan disahkan oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga dan pita ukur itu tidak boleh dibuat daripada logam kuprum atau plumbum atau aloi logam kuprum dan plumbum.

13. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kesahihan maklumat tiga kargo terdahulu yang diisytiharkan nakhoda kapal dengan memeriksa dan memperakui rekod penggunaan bekas simpanan bagi pemuatan dan pemunggahan keluaran kelapa sawit.
14. Pemegang lesen hendaklah melaporkan kepada Lembaga setiap bantahan, pertikaian atau keraguan yang serupa itu mengenai pengukuran keluaran kelapa sawit yang dikeluarkan olehnya kepada Lembaga melalui telefon, teleks, faksimile atau apa - apa cara elektronik yang lain dalam tempoh 24 jam daripada masa ia dibuat dan mengemukakan suatu salinan dokumen bantahan, pertikaian atau keraguan serupa itu dalam tempoh tujuh hari dari tarikh dokumen itu.
15. Pemegang lesen hendaklah memastikan semua laporan pengukuran semua keluaran kelapa sawit yang dikeluarkan olehnya adalah benar, lengkap dan tepat.
16. Pemegang lesen adalah dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya dua juruukur keluaran kelapa sawit yang telah lulus peperiksaan yang ditentukan oleh Lembaga dan berdaftar dengan Lembaga bekerja dengannya.
17. Pemegang lesen hendaklah memastikan kakitangannya memakai kad pengenalan juruukur yang dikeluarkan oleh Lembaga semasa menjalankan kerja pengukuran keluaran kelapa sawit.
18. Pemegang lesen hendaklah mematuhi kaedah pengukuran yang ditentukan oleh Lembaga bagi setiap parameter yang diukur.
19. Segala pengukuran oleh pemegang lesen termasuklah menandatangani dokumen pengukuran keluaran kelapa sawit hendaklah -
  - 19.1 dilaksanakan oleh juruukur keluaran kelapa sawit yang berdaftar dengan Lembaga; dan
  - 19.2 dilaksanakan oleh juruukur itu bagi pihak pemegang lesen; dan
  - 19.3 dilaksanakan oleh juruukur itu yang berkhidmat sebagai pekerja bagi pemegang lesen.
20. Pemegang lesen hendaklah mempunyai alat, radas, kelengkapan, jentera, mesin yang ditentukan dalam setiap kaedah persampelan dan pengukuran untuk setiap parameter yang diukur dan alat, radas, kelengkapan, jentera, mesin itu jika berkenaan hendaklah ditentukur oleh mana-mana agensi yang ditentukan oleh Lembaga.

SYARAT-SYARAT BAGI PEMEGANG LESEN  
DALAM KATEGORI PENGANGKUT MINYAK SAWIT (TL)

Aktiviti berlesen :

MENGALIH MINYAK SAWIT

Syarat-syarat:

1. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk mengalih minyak sawit untuk sesiapa kecuali bagi orang yang mempunyai lesen untuk menjual atau membeli minyak sawit.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pengalihan selamat minyak sawit bagi melindungi orang atau harta daripada bahaya berkaitan dengan pengalihan itu.
3. Pemegang lesen hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memastikan bahawa mana-mana orang yang diambil bekerja olehnya, pengkhidmat atau ejen berkaitan dengan pengalihan minyak sawit dalam kenderaan itu mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis lain yang mengawal selia aktiviti pengalihan itu.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap kenderaan yang digunakan untuk mengalih minyak sawit mempunyai kelengkapan dan sistem penentu kedudukan global yang mematuhi standard dan kehendak lain yang ditentukan oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kelengkapan dan sistem penentu kedudukan global yang digunakan sentiasa berada dalam keadaan berfungsi dan diselenggara dengan baik.
6. Pemegang lesen hendaklah memasang apa-apa kelengkapan, alat atau peranti sebagaimana yang diarahkan atau ditetapkan oleh Lembaga bagi menggantikan atau sebagai tambahan kepada kelengkapan dan sistem penentu kedudukan global sedia ada.
7. Pemegang lesen adalah dikehendaki untuk mendaftar dengan Lembaga mana-mana pemandu kenderaan yang diambil bekerja dengannya bagi tujuan pengalihan minyak sawit.
8. Pemegang lesen hendaklah mendaftar dengan Lembaga tiap-tiap kenderaan yang digunakan untuk mengalih minyak sawit.
9. Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh mana-mana orang yang diambil bekerja olehnya, pengkhidmat, ejen atau pekongsinya yang boleh menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582] termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu.
10. Pemegang lesen hendaklah melaporkan kepada Lembaga setiap keraguan mengenai keselamatan minyak sawit yang dialihkan olehnya melalui telefon, teleks, faksimile atau apa-apa cara elektronik yang lain dalam tempoh tiga puluh minit daripada masa keraguan itu dikesan.